

# PM tawar diri jadi **Pengerusi Penganjur Sukan Komanwel**

11.11.26 AUG 1992

C<sup>o</sup>

TIMBALAN Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba berkata, Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menawarkan diri untuk menjadi Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Sukan Komanwel 1998.

Sehubungan itu, Ghafar menyeru kepada penganjur-penganjur sukan bertaraf antarabangsa di negara ini supaya memberi perhatian kepada kemudahan-kemudahan kelengkapan dan kebersihan di tempat-tempat sukan.

Katanya, langkah itu adalah faktor penting bagi penganjur sukan antarabangsa membuat pilihan di negara mana sesuatu itu harus diadakan.

"Selain itu kemampuan dan kebolehan pengelola sukan tempatan membuat persiapan juga akan dijadikan ukuran," katanya ketika berucap di majlis makan malam dan pe-

nyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang Rali Malaysia 1992 di Kuala Lumpur, malam tadi.

Beliau seterusnya berharap, pada masa akan datang Malaysia tidak sahaja berjaya mewujudkan kestabilan politik dan ekonomi sebagai sebuah negara yang disegani ramai malah sebagai negara yang popular dengan pelbagai sukan.

"S u k a n kini bukan lagi dianggap sebagai riadah semata-mata tetapi juga satu cara bagaimana pelancongan dan persahabatan antara negara boleh digalakkan tanpa melalui protokol dan peraturan serta karehah diplomasi," katanya lagi.

Ghafar juga menjelaskan, penyertaan negara-negara asing dalam apa juga sukan di negara ini akan meningkatkan kegiatan sukan di negara ini